

TR 16.8.75

UCAPAN PERDANA MENTERI MELALUI  
RADIO TALIVISYEN MALAYSIA SEMPENA  
MENYAMBUT ULANGTAHUN KEMERDEKAAN  
YANG KELAPAN BELAS PADA 31HB OGOS, 1975

Saudara-saudara sekalian,

Besok kita sekalian rakyat Malaysia sekali lagi menyambut Hari Kebangsaan negara kita yang dicintai.

Perayaan tahun ini diatitkan secara sederhana sesuai dengan keadaan pada masa ini yang menghendaki kita semua lebih berjimat serta mengurangkan perkara-perkara yang tidak diperlukan. Namun begitu, pada hemat saya, ulangtahun kemerdekaan negara kita yang kelapan belas ini tidaklah kurang maknanya kepada kita semua berbanding dengan tahun-tahun yang lalu. Bahkan dalam suasana kesederhanaan tahun ini, kita perlulah menunjukkan lebih keazaman untuk menghadapi masalah-masalah dan cabaran-cabaran dalam tahun-tahun akan datang.

Tempoh setahun yang baru berlalu merupakan tempoh ujian kepada kita dalam ertikata inilah tahun pertama Kerajaan Barisan Nasional memegang teraju pimpinan negara setelah mendapat mandat daripada rakyat. Kita telah melihat kemajuan-kemajuan di bidang politik dalam negara di mana terdapat perpaduan politik yang lebih teguh antara parti-parti Kerajaan, dan ini telah membawa perhubungan yang lebih erat di kalangan rakyat kita dari berbilang bangsa. Di samping itu kita terus menjalankan usaha-usaha kita bagi mempereratkan hubungan dengan negara-negara sahabat sama ada dalam hubungan kerjasama serantau dan juga secara bilateral.

Di bidang hubungan luar negeri khususnya di kalangan negara-negara ASEAN menunjukkan beberapa kemajuan penting hasil usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dan juga di luar Kerajaan. Begitu juga halnya mengenai hubungan dengan negara-negara Islam dan negara-negara Non-Aligned serta negara-negara Komonwel. Boleh dikatakan dasar luar kita yang bebas dan berkecuali banyak membawa munafaat kepada Malaysia dalam tempoh setahun ini serta mengekalkan dan meninggikan lagi imej baik kita di mata dunia antarabangsa.

Saudara-saudara sekalian,

Telah menjadi kebiasaan sempena kita menyambut ulangtahun kemerdekaan negara kita, perlulah kita menoleh kebelakang dan memandang ke hadapan terhadap keadaan negara kita. Bila kita menoleh ke belakang, tidak siapa boleh menafikan bahawa dalam masa lapan belas tahun ini, kita telah mencapai banyak kemajuan-kemajuan dalam semua bidang khususnya dalam bidang pembangunan.

Kerajaan telah melancarkan program pembangunan melalui satu demi satu rancangan dengan hasrat mencapai tiga matlamat kita yang penting iaitu keamanan, kemakmuran dan keadilan. Saya percaya tiap-tiap orang rakyat telah dapat merasa sedikit sebanyak nikmat daripada kemerdekaan negara kita.

Namun begitu, matlamat yang dicita-cita itu masih jauh di hadapan kita. Banyak lagi rakyat di kampung-kampung khususnya dan juga di bandar-bandar yang belum mempunyai taraf hidup yang sempurna. Golongan peringkat tua sudah berlalu dan generasi muda telah muncul dengan harapan serta expectation yang tinggi. Ini adalah menjadi cabaran yang kita mesti hadapi dan akan terus hadapi untuk beberapa tahun yang akan datang dan cabaran ini berkehendakkan keazaman dan semangat berdikari yang kuat. Saya yakin dan percaya dengan berkat Tuhan Yang Maha Esa, cita-cita kita itu akan tercapai.

Begitu juga dalam lapangan keselamatan dalam negeri, kita masih menghadapi musuh-musuh negara iaitu pengganas-pengganas Komunis yang berada dalam hutan dan ejen-ejen mereka yang duduk di bandar-bandar dan di kampung-kampung. Mereka ini sentiasa menjalankan gerakan-gerakan bukan sahaja menentang anggota-anggota pasukan keselamatan bahkan menjalankan perbuatan-perbuatan khianat. Baru-baru ini Tugu Peringatan Negara kita yang menjadi lambang perpaduan rakyat, lambang bagi kita mengingati mereka-mereka yang telah terkorban jiwa untuk keselamatan pertahanan negara kita telah cuba dimusnahkan oleh anasir-anasir jahat ini.

Perbuatan semacam ini menunjukkan yang mereka itu tidak mempunyai sedikitpun perasaan kemanusiaan ataupun kasih sayang kepada negara ini. Nyatalah anasir-anasir pengganas ini

dan juga anasir-anasir anti-nasional ini mestilah dihapuskan dengan seberapa daya kita. Mereka tidak seharusnya mendapat tempat dalam masyarakat negara kita kerana mereka semata-mata mempunyai niat jahat, niat hendak menghancurkan keamanan dan ketenteraman dan juga segala kebaikan yang ada di negara kita.

Kita sangat terhutang budi kepada anggota-anggota pasukan keselamatan—tentera dan polis, serta pasukan-pasukan yang lain yang sentiasa berwaspada untuk mencegah perbuatan anasir-anasir jahat itu. Mereka telah menunjukkan keberanian dan kesediaan mengorbankan tenaga dan jiwa mereka untuk kepentingan rakyat dan negara.

Oleh yang demikian, sampailah masanya bagi rakyat memberi kerjasama dengan cara yang positif untuk menolong pasukan keselamatan khususnya pasukan Polis kita mengawal kawasan masing-masing dan menjaga harta benda dan rumahtangga mereka. Oleh itu pada hari ini undang-undang bagi menubuhkan Rukun Tetangga telah berjalan kuatkuasanya dan saya harap langkah-langkah akan diambil untuk menubuhkan pasukan Rukun Tetangga ini terutama sekali di bandar-bandar dan kemudiannya di kampung-kampung pula supaya tiap-tiap orang yang berumur antara lapan belas hingga limapuluh lima tahun akan dapat menjaga bergilir-gilir kawasan masing-masing, menolong mengawasi anasir-anasir jahat, pencuri-pencuri dan penyamun-penyamun, supaya dapat membantu menghapuskan perbuatan-perbuatan ini. Mereka adalah dikehendaki memberitahu Polis dengan serta-merta jika ada berlaku apa-apa kejadian yang tidak diingini di kawasan masing-masing.

Saya harap peluang bagi rakyat untuk menunjukkan kesediaan mereka menjaga keselamatan kawasan masing-masing, rumah tangga dan harta benda mereka akan disambut baik oleh semua lapisan rakyat. Ini adalah tanggungjawab tiap-tiap orang rakyat yang taat setia kepada negara dan saya berseru kepada semua pihak supaya tampil ke hadapan untuk menunaikan tanggungjawab ini.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sukacita iaitu dengan kerjasama daripada semua pihak kita telah dapat meredakan tekanan inflasi tetapi keadaan kemerosotan ekonomi masih kita hadapi. Dengan kejayaan kita

melancarkan gerakan Buku Hijau yang telah mendapat sambutan baik dari rakyat, kita telah dapat meredakan tekanan inflasi dan harga barang-barang sekarang telah mula turun tetapi keadaan ekonomi di dunia khususnya di negara-negara maju masih lagi merosot. Dengan sebab itu, barang-barang keluaran kita tidak mendapat pasaran yang sempurna.

Menurut keterangan yang kita dapati, eksport barang-barang mentah kita pada tahun ini kurang sebanyak 23% berbanding dengan eksport tahun lalu. Ini bermakna hasil Kerajaan sangatlah merosot. Dengan sebab itu saya telah memberi arahan kepada semua Jabatan Kerajaan supaya berjimat dan tidak menambah lagi perbelanjaan bahkan dengan seberapa boleh mengurangkan perbelanjaan tahunan. Dengan sebab kemerosotan ekonomi dan kekurangan hasil pendapatan Kerajaan tidak mampu hendak menambah perbelanjaan berulang tahun pada masa ini.

Oleh itu mustahaklah semua golongan rakyat khususnya pegawai-pegawai Kerajaan menunjukkan taat setia kepada Kerajaan dan negara dan memberi persefahaman dan kerjasama kepada Kerajaan untuk mengatasi keadaan kepentingan ekonomi ini.

Kerajaan tidaklah risau atau "grudge" dengan tuntutan kenaikan gaji yang berpatutan oleh pegawai-pegawai Kerajaan terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah, akan tetapi tuntutan itu mestilah diseimbangkan dengan pertambahan daya pengeluaran atau productivity. Kalau tidak tentulah perkara ini tidak adil dan Kerajaan sukar hendak membiayai perbelanjaan yang kian bertambah itu.

Kejayaan sesuatu negara itu bergantunglah kepada usaha tiap-tiap rakyat. Pengajaran yang kita dapati daripada negara-negara maju menunjukkan iaitu kemakmuran rakyat bergerak serentak dengan daya pengeluaran atau productivity mereka. Oleh itu dalam keadaan kegentingan sekarang ini perlulah kita memikirkan apakah sumbangan yang patut kita beri kepada negara dan janganlah kita semata-mata memikirkan apa faedah kita patut dapat dari Kerajaan dan Negara.

Sebagaimana kita ketahui, pada masa yang lalu, Kerajaan telah mencurahkan wang yang banyak untuk memberi anika rupa bantuan kepada rakyat. Akan tetapi saya harap bantuan yang

diberi itu yang bertujuan hendak meninggikan taraf hidup rakyat janganlah dianggap sebagai ibarat kata pepatah "membawa nasi ke riba" dan "menanti hujan dari langit". Bantuan-bantuan itu bertujuan hendak menolong kita meninggikan taraf hidup dengan usaha dan tenaga sendiri. Kerajaan berkehendakkan bantuan dan kemudahan yang diberi itu boleh mendorong rakyat untuk berusaha dan bertenaga dengan lebih giat lagi bukan sebaliknya. Kalau dianggapkan segala-galanya akan disediakan oleh pihak Kerajaan semata-mata maka sikap ini akan menjadikan masyarakat kita lemah dan tidak berdaya dan seterusnya membawa kepada kehancuran rakyat dan negara.

Oleh yang demikian, bagi menyambut ulangtahun kemerdekaan ini, kita telah mengadakan tema "Masyarakat Berdikari" iaitu kita berkehendakkan rakyat daripada semua lapisan menguatkan lagi daya usaha dan semangat mereka itu untuk berdiri atas kaki sendiri untuk membaiki keadaan hidup mereka dengan usaha dan tenaga sendiri dan dengan itu dapatlah Kerajaan dan rakyat menghadapi bersama-sama masalah-masalah yang kita hadapi pada masa ini dan yang akan kita hadapi pada masa akan datang. Hanyalah dengan cara yang demikian dapat kita membawa negara kita pada tingkatan kemajuan yang lebih tinggi dan lebih luas lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Satu masalah yang kian membesar ialah mengenai penyalahgunaan dadah. Saya percaya kita semua tahu tentang bagaimana buruknya akibat dadah kepada masyarakat, terutama golongan muda. Selagi ada golongan dalam masyarakat yang terlibat dengan kegiatan salahguna dadah, maka lambat laun akan timbul gejala-gejala keburukan yang akhirnya merosakkan segala kemajuan yang telah kita capai.

Kerajaan telahpun mengambil langkah yang perlu bagi mencegah merebaknya pengaruh ini di negara kita. Tetapi seperti yang seringkali saya sebutkan, kalau diserahkan kepada Kerajaan semata-mata untuk menjalankan tindakan tentulah tidak akan mencapai sepenuh kejayaan. Oleh kerana dadah menyentuh kepentingan kebangsaan maka terpaksa segala gerakan dan tindakan dijalankan bercorak nasional. Saya harap rakyat akan mengambil inisiatif membasmi pengaruh buruk ini dengan menyelaraskan segala tindakan melalui satu organisasi nasional

yang didukung oleh semua pihak. Saya suka mengesyorkan supaya dibentuk sebuah badan yang diberi nama Persatuan Kebangsaan Mencegah Penyalahgunaan Dadah atau National Association for the Prevention of Drug Abuse dan saya yakin dengan adanya Persatuan ini, gerakan-gerakan membasmi pengaruh dadah ini akan mencapai kejayaan sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, sambil merayakan ulangtahun kemerdekaan negara kita, saya berharap rakyat akan membaharui azam dan tekad untuk terus berusaha dengan penuh semangat berdikari untuk mencapai hasrat dan cita-cita yang kita perjuangkan iaitu membina masyarakat adil dalam negara yang aman dan makmur.

Di sini juga saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan merasmikan permulaan siaran Talivisyen serentak dari Kuala Lumpur ke Sabah dan Sarawak dan saya yakin siaran Talivisyen serentak ini akan membawa makna yang besar kepada usaha kita hendak merapatkan lagi hubungan rakyat di seluruh Malaysia.

Selamat Berjaya!